

Pemimpin2 baru PAS bimbang pengaruh Asri



Datuk Asri

KOTA BAHARU, Sabtu — Para penyokong Datuk Haji Asri Haji Muda mendakwa hari ini, pemimpin baru PAS kini bimbang dengan pengaruh bekas Yang Dipertua Agung parti itu.

Menurut mereka, ini jelas dari tindakan pemimpin baru PAS itu 'merahsiakan' tarikh Jawatankuasa Disiplin parti

itu bermesyuarat untuk membincangkan tindakan ke atas Datuk Haji Asri dan pengikut-pengikutnya.

Jurucakap kumpulan tersebut, Haji Abdul Hamid Salleh berkata, beliau yakin pimpinan baru PAS tidak akan mengambil apa juga tindakan disiplin terhadap Datuk Asri.

Mengulas keengganan Pemangku Yang Dipertua Agung, Haji Yusoff Rawa dan lain-lain pemimpin PAS untuk memberitahu tarikh mesyuarat itu, beliau berkata:

"Keengganan itu menguatkan keyakinan kita bahawa pimpinan baru tidak berani mengambil sebarang tindakan terhadap Datuk Asri kerana bimbangkan akibatnya," tambahnya.

Dihormati

Pemerhati politik di sini menganggap tindakan pemimpin baru PAS 'membisu' mengenai perkara tersebut membangkitkan mesyuarat jawatankuasa itu akan dijalankan secara 'senyap-senyap'.

Mereka berpendapat, pimpinan parti tidak dapat mengeneipkan kenyataan bahawa Datuk Asri masih merupakan tokoh PAS yang dihormati oleh ahli-ahlinya dan 'sebarang tindakan disiplin terhadapnya mungkin akan menimbulkan masalah serius dalam parti'.

Ini ternyata bila langkah Datuk Asri meletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertua Agung PAS baru-baru ini telah menimbulkan krisis dalam parti antara penyokong

penyokongnya dengan penyokong pimpinan baru, kata seorang jurucakap.

Mereka berpendapat, mungkin inilah yang mendorong pimpinan baru mengambil sikap 'membisu' dan merahsiakan tarikh mesyuarat Jawatankuasa Disiplin parti untuk mengelak perhatian umum terhadap apa juga keputusan yang akan diambil nanti.

Terima

Bagaimanapun, Haji Abdul Hamid berkata, sehingga ini tidak ada seorang pun penyokong Datuk Asri menerima surat dari pucuk pimpinan supaya memberi sebab mengapa tindakan disiplin tidak boleh diambil terhadap mereka kerana membuat kenyataan mengancam pimpinan baru PAS.

Menurut beliau lagi, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan pimpinan baru juga 'telah berfikir dua kali' untuk membuat keputusan sama ada hendak mengirim surat itu ataupun tidak.

Beliau percaya, pemimpin pas sekarang akan mengubah keputusan awal untuk menghantar surat tersebut, memandangkan sokongan yang semakin bertambah kepada Datuk Asri.

"Ini jika meningkatkan peluang penyokong Datuk Asri untuk mengembalikannya sebagai Yang Dipertua Agung PAS itu ke puncak pimpinan parti sekiranya pemimpin sekarang gagal membersihkan unsur ektremis dalam parti itu," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia